

Air Sungai Tembeling paras bahaya

JERANTUT 31 Dis. – Air Sungai Tembeling di Taman Negara Kuala Tahan dan pedalaman Hulu Tembeling mula berada paras berjaga-jaga setelah hujan lebat di daerah ini sejak tiga hari lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Kuala Tahan dekat sini hari ini mendapati laluan ke restoran terapung dan jeti di Taman Negara Kuala Tahan sudah mula ditenggelami air.

Selain itu, Pulau Agoh yang berdekatan restoran terapung juga sudah ditenggelami air dan ini memberi petunjuk awal kepada penduduk di daerah ini supaya bersedia sedia menghadapi banjir dalam jangka waktu terdekat.

Berikutan itu, restoran terapung berkenaan kini ditambah dengan kemas oleh pemiliknya untuk mengelakkan dihanyutkan banjir.

Seorang pengusaha bot penambang Kuala Tahan, Abdullah Salleh, 54, berkata, kebiasaannya pada awal November setiap tahun, paras air Sungai Tembeling mula meningkat berikutan hujan lebat di Hulu Tembeling.

“Kenaikan paras air begitu cepat menandakan musim banjir akan bermula memandangkan keadaan cuaca tidak menentu dan hujan lebat pada sebelah malam,” katanya.

Menurut beliau, pengusaha bot menghentikan sementara perjalanan memunggah penumpang ke beberapa destinasi di Taman Negara Kuala Tahan dan Hulu Tembeling kerana



**MOHAMAD
ROSLAN HARUN**



**ABDULLAH
SALLEH**



ARUS deras berikutan air Sungai Tembeling naik ke paras bahaya memaksa bot penambang memberhentikan operasi di Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut, semalam.

arus deras dan berdepan risiko bahaya.

Dia menambah, jika hujan berterusan di kawasan Hulu Tembeling dan Taman Negara beberapa hari lagi, kemungkinan perkampungan persisiran Sungai Tembeling di daerah ini antara tempat pertama ditenggelami banjir.

Dalam pada itu, Pegawai Daerah Jerantut, Datuk Mohamad Roslan Harun meminta semua penduduk dan pengusaha bot di Taman Negara Kuala Tahan dan Hulu Tembeling

menghentikan operasi pengangkutan bot penambang dan menangkap ikan pada musim banjir.

“Kita sudah bersedia sedia apabila menghantar bantuan makanan menerusi usaha Jawatankuasa Bencana Alam Daerah ini ke pangkalan hadapan di beberapa buah kampung pedalaman Hulu Tembeling pada awal November lepas.

“Justeru, jawatankuasa bantuan yang diselenggarakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di sini akan memastikan bantuan susulan

makanan berkenaan akan dihantar di kampung persisiran Sungai Tembeling dan Sungai Pahang jika banjir berlaku dan semua jalan perhubungan terputus,” katanya kepada pemberita di Felda Padang Piol, di sini.

Beliau juga meminta ibu bapa memastikan keselamatan anak-anak di samping membuat persiapan awal menghadapi persekolahan hari Isnin ini dan berhubung dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta penghulu jika menghadapi kesulitan.